



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 23 JULAI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	BEKALAN LEMBU DIJAMIN MENCUKUPI, NEGARA, KOSMO -15 MARTABATKAN SEKTOR PERTANIAN - CHE ABDULLAH, NASIONAL, HAKAKAH -N9 BUMIPUTRA BUSINESS OPERATORS AND ENTREPRENEURS RECEIVE GOODS SUPPLY, NEWS, CHINA PRESS (MELAKA) -C8 BEKALAN MAKANAN CUKUP MUSIM PERAYAAN, NEGERI, HAKAKAH -N12 KELANTAN BANTU PETANI TERJEJAS COVID-19, NEGERI, HAKAKAH -N12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
6.	PENGUSAHA BOT NELAYAN KUALA PERLIS BERDAPAN RISIKO GULUNG TIKAR, DALAM NEGERI, UM -43	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7.	KADA CADANG PERLUAS KAWASAN SELIAAN PADI, HAKAKAH DAILY -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
8.	RAMPAS BERAS HASIL SUMBER DIRAGUI, MSN NEWS -ONLINE	BAHAGIAN INDUSTRI PADI BERAS (IPB)
9. 10.	PERAK BUKA TANAH PERTANIAN BANTU RAKYAT HILANG PEKERJAAN, DALAM NEGERI, UM -32 PERTANIAN PINTAR MAMPU ATASI PENGANGGURAN BELIA, RENCANA, BH -12	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Malaysia tidak perlu import ternakan sempena Aidiladha

Bekalan lembu dijamin mencukupi

PASIR PUTEH – Bekalan lembu untuk ibadat korban sempena Hari Raya Aidiladha dijamin mencukupi bagi keperluan umat Islam di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, ia menunjukkan negara tidak perlu bergantung kepada ternakan import khususnya dari negara jiran.

Menurutnya, meskipun tiada jumlah khusus mengenai bilangan haiwan ternakan yang terlibat dalam ibadat korban pada tahun ini, tetapi pihaknya berkeyakinan stok bekalan lembu mampu menampung permintaan masyarakat.

Katanya, urusan niaga setempat menerusi penternakan secara kecil-kecilan dalam kalangan petani telah banyak membantu menampung keperluan lembu menjelang musim perayaan tahun ini.

"Rakyat memaham keadaan sekarang dan membargai usaha kerajaan dalam mengekang penularan pandemik (Covid-19) dengan pelbagai pendekatan.

"Ini termasuk tidak mem-bawa masuk bekalan lembu dari

negara jiran," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan Majlis Ramah Mesra bersama masyarakat petani Pasir Puteh di Cherang Rotan di sini semalam.

Che Abdullah menyeru para petani agar mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang dikuatkuasakan kerajaan menerusi Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan sehingga 31 Ogos ini.

Ujarnya, para petani juga perlu memberi keutamaan terhadap kesihatan diri masing-masing kerana pandemik berkenaan masih belum pulih sepenuhnya di seluruh dunia.

"Pematuhan jarak sosial dan menggunakan pelitup muka perlu menjadi amalan mereka terutama ketika berurus niaga di pasar-pasar tani.

"Memandangkan pasar tani kini menjadi tumpuan masyarakat untuk mendapatkan bahan mentah segar pada harga berpatutan menjelang musim perayaan, maka dinasihatkan agar usahawan mengikut SOP yang ditetapkan," katanya.

Umat Islam di negara ini akan menyambut Hari Raya Aidiladha pada 31 Julai ini.



CHE ABDULLAH (tengah) menanam pokok jambu mawar pada Majlis Ramah Mesra Masyarakat petani Pasir Puteh di Cherang Rotan, Pasir Puteh semalam.

Martabatkan sektor pertanian - *Che Abdullah*

Oleh NUR AIN MANAF

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan berusaha mengangkat sektor pertanian untuk terus mengalami pertumbuhan yang memberangsangkan walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran.

Demikian kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Malaysia, Dato' Che Abdullah Mat Nawi dalam ucapannya majlis Anugerah Personaliti Industri dan Usahawan Malaysia 2020, di Hotel Shangri-La Kuala Lumpur pada 21 Julai.

Beliau berkata, pihaknya turut berperanan dalam memastikan dan terus menyokong pembangunan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan mikro untuk keluar daripada kesan menularan pandemik wabak Covid-19.

Menurut beliau, program anugerah personaliti industri dan usahawan Malaysia 2020 yang diadakan ini adalah untuk memberi pengiktirafan kepada usahawan tempatan yang telah berusaha dengan gigih menempah kejayaan dalam bidang perniagaan masing-masing sehingga dapat menyumbang kepada ekonomi negara.

Selain itu katanya, program seperti yang diadakan ini juga dapat memberi galakkan kepada usahawan untuk mengejar kecemerlangan dalam bidang perniagaan dan memupuk semangat keusahawan serta platform kepada syarikat tempatan sama ada yang baru mahupun lama dan berpotensi untuk mendapat perhatian dalam skala yang lebih besar.



Dato' Che Abdullah Mat Nawi

Program seumpama ini sememangnya wajar kepada usahawan sebagai dorongan serta motivasi kepada masyarakat khususnya para usahawan untuk lebih berani bersaing dalam bidang perniagaan sehingga ke peringkat yang lebih tinggi.

"Saya difahamkan terdapat sebanyak 30 syarikat serta individu yang bakal menerima anugerah dalam pelbagai kategori unik pada hari ini. Nilai jualan kesemua syarikat ini mencecah hampir RM200 juta pada tahun 2019.

"Jumlah ini merupakan jumlah yang amat besar dan ini jelas) menunjukkan bahawa anda sekalian sememangnya layak untuk menerima anugerah pada hari ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan," katanya.

Sehubungan itu tambahnya, sehingga kini MAFI sedang merangka Dasar Sekuriti Makanan Negara yang lebih holistik dan mampan dirangka bagi memperkukuh keselamatan makanan di semua peringkat dan dasar ini kelak akan melengkapkan Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021-2030).

Headline	Bumiputra business operators and entrepreneurs receive goods supply		
MediaTitle	China Press (Melaka)		
Date	23 Jul 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	6,073
Page No	C8	Readership	18,219
Language	Chinese	ArticleSize	237 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,174
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,522



卡沙里及罗斯兰（左）土著企业家；右起为再迪阿丹、阿末韩查（右3）移交设备给

野新土著商家及企業家 獲贈農具及工業設備

（野新22日讯）农业及食品工业第一副部长拿督斯里阿末韩查日前捐赠第二批农具及工业设备，给野新国会选区的土著商家及企业家，鼓励他们向农业及小型企业领域进军。

移交农具及工业设备的

仪式在万里望拿督阿末伊斯宁礼堂举行，约30名土著农民或企业家受惠。

阿末韩查也是野新国会议员。他致词时指出，政府非常关心土著农民及企业家的福利，通过农业与工业贷款、捐赠设备、肥

料等帮助农民和企业家发展事业，以便提高他们的收入和土著的经济地位。

他提醒受惠者善用者政府提供的免费器材或资源勤劳工作，以期能取得良好的绩效，也制造更多就业机会。

出席移交设备仪式者包括霖区州议员拿督威拉卡沙里、万里望州议员拿督罗斯兰、实干区州议员拿督再迪阿丹等。

Bekalan makanan cukup musim perayaan



Che Abdullah Mat Nawi bersama ahli Kesatuan Penolong Pegawai Pertanian Semenanjung Malaysia Cawangan Kelantan.

KOTA BHARU: Bekalan makanan termasuk beras, ikan, ayam dan buah-buahan mencukupi bagi keperluan seluruh rakyat Malaysia menjelang sambutan Hari Raya Aidiladha tidak lama lagi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, bekalan makanan semena musim perayaan ini mencukupi.

Kafanya, sehingga sekarang Kementerian tidak menerima sebarang rungutan berkaitan masalah bekalan makanan.

"Jadi tidak berbangkit kebimbangan tidak cukup bekalan makanan pada sambutan Hari Raya Haji nanti," katanya selepas me-

rasmikan Mesyuarat Agung Kesatuan Penolong Pegawai Pertanian Semenanjung Malaysia Cawangan Kelantan di Pusat Transformasi Luar Bandar di sini Sabtu lepas.

Manakala dalam perkembangan lain Che Abdullah berkata, Kementerian akan mengatasi kekosongan jawatan penolong pegawai pertanian di seluruh Malaysia.

Kata beliau sehingga sekarang terdapat 215 kekosongan jawatan penolong pegawai pertanian di seluruh Malaysia.

"Kita akan memberi perhatian perkara itu bagi mengatasi masalah kekosongan jawatan yang belum diisi," katanya.

Isu itu dibangkitkan

Presiden Kesatuan Penolong Pegawai Pertanian Semenanjung Malaysia A Hadi Kamil Ismail bagi meningkatkan lagi prestasi sektor pengeluaran makanan.

Kesatuan Penolong Pegawai Pertanian Semenanjung Malaysia mempunyai seramai 947 ahli dan daripada jumlah berkenaan 83 ahli berada di Kelantan.

Che Abdullah juga berkata pegawai atau penolong pegawai pertanian layak digelar petugas barisan hadapan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Katanya, mereka ibarat wira yang tidak dituding kerana bekerja keras bagi memastikan bekalan makanan mencukupi.

Kelantan bantu petani terjejas Covid-19

Oleh MUHAMMAD ARIF ISMAIL

KOTA BHARU: Petani, nelayan dan penternak yang terjejas ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) turut mendapat perhatian kerajaan negeri.

Kerajaan negeri melalui Perbadanan Kemajuan Per-

tanian Negeri Kelantan (PK-PNK) menyalurkan bantuan dengan membeli produk pertanian yang dihasilkan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Ustaz Tuan Saripudin Tuan Ismail berkata, kerajaan negeri menambah bentuk bantuan selain

daripada kerajaan persekutuan.

"Bantuan itu dapat merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara," katanya pada majlis Penyerapannya Bantuan Sejahtera Tani Pasca Covid-19 di Hotel Royal Guest House di sini Selasa lepas.

Turut hadir Adun Semerak Wan Hassan Wan Ibrahim dan Pegawai Eksekutif PKPNK Engku Rajhan Engku Ismail.

Pada majlis itu lapan persatuan pertanian dan seorang pengusaha ikan kelah dari Gua Musang menerima bantuan dari kerajaan negeri.

Kerajaan pusat sebelum ini mengumumkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) merangkumi 40 inisiatif yang bernilai RM35 bilion bagi tempoh Jun hingga Disember 2020.

"Nasib yang dialami rakyat turut dirasai kerajaan, rakyat yang terjejas dan sektor ekonomi terjejas mendapat perhatian," katanya.



Wakil persatuan menerima cek bantuan daripada anggota Exco.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	43

Pengusaha bot nelayan Kuala Perlis berdepan risiko gulung tikar

KANGAR : Para pengusaha bot nelayan di Kuala Perlis di sini berdepan risiko gulung tikar jika kerajaan masih tidak membenarkan kemasukan pekerja atau nelayan warga asing dalam tempoh terdekat.

Pengerusi Persatuan Perniagaan Ikan dan Pengusaha Bot Kuala Perlis, Liew Seak Tong, 58, berkata, nasib pengusaha bot nelayan kini seperti telur di hujung tanduk dan menunggu masa untuk 'bungkus'.

Sehubungan itu, dia berharap kerajaan dapat memberi sedikit kelonggaran dengan membenarkan kemasukan warga asing khususnya dalam sektor perikanan.

"Ketiadaan pekerja tempatan yang sanggup bekerja sebagai nelayan menyebabkan kami tidak boleh ke laut sekali gus menanggung kerugian setiap hari.

"Kalau keadaan berterusan, tidak tahu apa nasib kami, tidak mustahil dalam tempoh sebulan lagi kami terpaksa gulung tikar," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Sebelum ini, *Utusan*

Malaysia melaporkan kira-kira 150 pengusaha bot nelayan di Kuala Perlis mengalami kerugian dianggarkan lebih RM60 juta selepas hampir empat bulan tidak turun ke laut berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak pertengahan Mac lalu.

Lebih malang, apabila kerajaan memberi kelonggaran melalui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), pengusaha bot terbabit masih tidak dapat turun ke laut berikutan ketiadaan pekerja yang kebanyakannya warga asing dari Thailand.

Kira-kira 1,600 nelayan dari Thailand yang bekerja antara 10 sehingga 15 tahun itu telah dihantar pulang ke negara mereka berikutan pandemik Covid-19.

Sehingga hari ini, pekerja terbabit masih tidak dibenarkan kembali apabila kerajaan belum membenarkan kemasukan warga asing ke negara ini.

Sementara itu, Seak Tong memberitahu, hanya sekitar 20 bot yang keluar ke laut ketika ini dan bot selebihnya masih tersadai.



Kalau keadaan berterusan, tidak tahu apa nasib kami..."

LIEW SEAK TONG

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2020	HARAKAH DAILY	ONLINE	

KADA cadang perluas kawasan seliaan padi



PASIR PUTEH: Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) bercadang memperluas kawasan seliaannya sehingga ke Machang, Rantau Panjang (Pasir Mas) dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin-Semerak di Pasir Puteh.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawati berkata ia berikutan berlaku pengurangan keluasan kawasan jelapang padi yang disebabkan oleh aktiviti pembangunan komersial dan perumahan di negeri ini, sejak 10 tahun lalu.

"Menerusi pertambahan tiga kawasan baharu ini, ia akan menggandakan kawasan seliaan KADA kepada 43,951 hektar berbanding 26,833 hektar

ketika ini," kepada pemberita selepas Majlis Ramah Mesra Bersama Petani Jajahan Pasir Puteh di Persatuan Peladang Kawasan (PPK) Cherang Rotan di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, Pengerusi KADA Datuk Kamarudin Md Noor dan Pengurus Besar KADA Nik Roslan Idris.

Che Abdullah yang juga Ahli Parlimen Tumpat berkata, walaupun berlaku pengurangan sebanyak 4,000 hektar kawasan jelapang padi di Kelantan sejak 10 tahun lalu, namun hasil produktiviti padi tetap meningkat kepada 51,000 metrik tan ekoran penggunaan teknologi moden dan projek Ladang Merdeka.

Untuk rekod, KADA ketika ini menyelia kawasan jelapang padi di lima jajahan iaitu Kota Bharu, Pasir Puteh, Pasir Mas, Tumpat dan Bachok membabitkan seramai 7,722 petani.

Mengulas lanjut, beliau berkata cadangan memperluaskan kawasan seliaan KADA akan dibincangkan di peringkat kementerian untuk direalisasikan.

Katanya, cabaran utama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan kini ialah untuk meningkatkan pengeluaran bekalan makanan, namun berdepan kekangan daripada aspek kekurangan sumber yang terhad seperti tanah pertanian.

Justeru katanya, para petani harus beralih menggunakan teknologi moden serta mempelajari teknik penanaman pertanian moden dalam usaha mencukupkan bekalan makanan dalam negara. – **BERNAMA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2020	MSN NEWS	ONLINE	

Rampas beras hasil sumber diragui



HAMPIR tiga tan metrik beras bernilai RM22,000 dirampas penguat kuasa Kawalselia Padi dan Beras (KPB) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan hari ini kerana mengesyakinya diperolehi daripada sumber diragui.

Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras Azman Mahmood berkata, pihaknya merampas beras terbabit dalam Op Smuggle yang dijalankan di Klang dan Kuala Lumpur selepas menerima maklumat orang awam dan

hasil risikan anggota penguat kuasa.

"Di lokasi pertama, kita rampas sebanyak 950 kilogram (kg) beras dan lokasi kedua sebanyak 925 kg.

"Kami turut merampas sebuah lori yang membawa muatan 900 kg lagi beras juga dari sumber tidak sah," katanya kepada Harian Metro.

Azman berkata, kes berkenaan mengikut Akta Kawalan Padi dan Beras (Akta 522) kerana tiada dokumen berkaitan beras berkenaan dan lori terbabit disita untuk siasatan lanjut.

Menurutnya, pemborong diingatkan supaya tidak mendapat bekalan beras daripada sumber yang tidak sah kerana ia menjadi satu kesalahan.

Katanya, beras boleh diperolehi daripada Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) sebagai pengimport tunggal negara.

23/7/2020

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

32

Perak buka tanah pertanian bantu rakyat hilang pekerjaan

**BANGKIT
SEMULA**

Oleh **SAYED HESHAM IDRIS**
sayedi.hisham@mediamulla.com.my

IPOH: Kerajaan Perak merancang membuka tanah-tanah baharu untuk pertanian sebagai langkah awal menjana semula ekonomi rakyat negeri itu yang terkesat akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mengekang penularan Covid-19.

Langkah itu dilihat sejajar dengan dasar kerajaan negeri yang mahu memperkaskan bidang pertanian dengan melibatkan penyertaan rakyat selepas kejayaan mengadakan projek pertanian berskala besar, Perak Agrovalley di kawasan seluas 1,983 hektar dekat Lenggong.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu berkata, pertanian merupakan industri yang mudah dan terbuka luas untuk rakyat yang hilang kerja mencari sumber rezeki baharu.

Beliau berkata, dianggarkan lebih 2,000 di negeri ini hi-



AHMAD FAIZAL AZUMU memegang bakul sayuran ketika melancarkan Program Tanaman Bumi Hijau di Ipoh, Perak. Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perikanan, Perlindungan dan Sekuriti Makanan negeri, **Datuk Abdul Yunus Jamahri** (tengah) dan Pengarah Pertanian Perak, **Norsiyenti Othman**.
- **UTUSAN/SAYED HESHAM IDRIS**

lang pekerjaan semasa pelaksanaan PKP dan ramai antara mereka masih belum mendapat pekerjaan.

“Menyediakan peluang pekerjaan dalam bidang pertanian untuk mereka yang hilang pekerjaan merupakan antara usaha yang sedang

dirangka kerajaan negeri. “Pada pandangan saya, pertanian merupakan industri yang mudah untuk kita dampingi dan diusahakan rakyat.”

“Untuk mereka yang kehilangan kerja, kita cari jalan buka tanah-tanah baharu supaya mereka dapat

memulakan usaha dalam bidang pertanian,” katanya di sini semalam.

Mengenai Perak Agrovalley di Lenggong, Ahmad Faizal berkata, kerajaan juga membuka peluang kepada rakyat yang menganggur untuk menyertai projek berkenaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2020	BERITA HARIAN	RENCANA	12

Pertanian pintar mampu atasi pengangguran belia

Kadar pengangguran di Malaysia kini pada tahap agak ketara dan membimbangkan. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran pada April lalu, meningkat kepada lima peratus berbanding tempoh sama tahun lalu dengan bilangan penganggur seramai 776,800 orang.

Golongan belia antara terkesan dengan peningkatan kadar pengangguran ini atas faktor kehilangan dan kesukaran mendapatkan pekerjaan. Dalam hal ini, terdapat keperluan mendesak bagi kerajaan untuk mengimbangi kadar pengangguran termasuk dalam kalangan lepasan graduan pengajian tinggi baharu, yang dianggarkan jumlahnya antara 300,000 hingga 350,000 orang setahun.

Sebagai mekanisme alternatif kerajaan untuk memberikan peluang pekerjaan dalam situasi ekonomi masa kini, bidang pertanian dilihat suatu perniagaan dan kerjaya yang baik boleh diceburi belia.

Bagaimanapun, sektor pertanian sering dianggap lebih dimonopoli golongan berumur, berkemahiran rendah dan didominasi tenaga buruh asing.

Penyertaan belia dalam sektor pertanian juga masih pada kadar rendah. Terdapat persepsi bahawa pertanian, ialah kerja 3D (kotor, berbahaya dan sukar).

Tanggapan sektor pertanian memerlukan modal dan kos tinggi bagi urusan pemilikan tanah dan pembiayaan tenaga kerja serta berdepan risiko faktor cuaca yang tidak menentu, antara

faktor penyumbang kepada kurangnya penyertaan belia dalam sektor pertanian.

Namun, penggunaan teknologi boleh digunakan sebagai pemangkin untuk menarik minat belia menyertai bidang pertanian.

Ramai yang masih kurang sedar persekitaran kerja sektor pertanian berubah selaras Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dengan penggunaan teknologi digital menerusi pertanian pintar bagi meningkatkan kecekapan serta produktiviti sektor ini.

Penggunaan kemudahan teknologi moden seperti dron, sensor, robotik dan internet kebendaan (IoT), menjadi mekanisme penting bagi tujuan pengeluaran dan pendedaran produk pertanian yang terbukti dapat meningkatkan produktiviti. Ini secara tidak langsung menjadikan sektor pertanian sumber pendapatan lumayan.

Salah satu kaedah yang menambat hati petani ialah pemantauan ladang menggunakan telefon pintar, atau lebih dikenali teknologi pembaja-airan (fertigation) pintar.

Kalau dulu pemantauan tanaman bagi tujuan pembajaan dan pengairan perlu digerakkan secara manual, kini ia boleh digerakkan hanya melalui telefon bimbit tanpa memerlukan keberadaan di ladang secara fizikal.

Dalam hal ini, notifikasi mengenai maklumat penting seperti keadaan cuaca, suhu ladang, kadar PH (tingkat keasaman) tanah, kelembapan tanah serta kepekatan baja yang diperlukan, akan dimaklumkan secara berkala hanya melalui khidmat pesanan ringkas (SMS).

Pembaja-airan pintar ini memberi beberapa kelebihan terutamanya dari segi kos kerana tidak membabitkan te-

naga kerja ramal.

Bagi kelompok belia yang mementingkan keseimbangan antara kerja dan ketidupan dalam memilih kerjaya, teknologi pembaja-airan pintar adalah faktor penarik untuk mereka menceburi sektor pertanian.

Lebih menarik, ada antara petani menggunakan kaedah ini berjaya meningkatkan pendapatan mereka sehingga 80 peratus berbanding pemantauan tanaman secara manual.

Kepelbagaian kaedah tanaman moden dan berimpak tinggi dapat menggalakkan belia di bandar mengusahakan pertanian bandar terutama yang tiada akses kepada sumber tanah.

Kepelbagaian kaedah tanaman moden dan berimpak tinggi dapat menggalakkan belia di bandar mengusahakan pertanian bandar terutama yang tiada akses kepada sumber tanah.

Pendek kata, ketiadaan pemilikan tanah bukan lagi isu untuk mengelak daripada menceburi sektor pertanian kerana ia boleh diusahakan menggunakan ruang minimum.

Perladangan kini boleh dilaksanakan di tapak kilang terutamanya di kawasan tertutup melalui kaedah pertanian vertikal.

Contoh kaedah pertanian vertikal yang kini mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat bandar ialah tanaman hidroponik.

Kerajaan menggalakkan kaedah ini diusahakan secara individu, berkumpulan, komuniti atau institusi. Kaedah ini secara tidak langsung, menjamin bekalan bahan makanan mencukupi, berkualiti dan selamat ditman bukan saja pada peringkat individu, malah negara.

Kaedah ini juga tidak memberi kesan negatif kepada alam sekitar dan dapat mengurangkan risiko apabila banjir berlaku.

Kesimpulannya, pembibitan belia dalam bidang pertanian dapat menyelesaikan isu pengangguran dalam kalangan mahasiswa dan belia yang sedang meningkat dengan ketara berikutan kesan pandemik COVID-19.

Isu kebergantungan negara kepada tenaga buruh asing dan golongan petani berumur juga dapat diatasi dengan menyediakan lapisan golongan belia dalam sektor ini.

Lebih penting lagi, isu jaminan bekalan bahan makanan dapat diatasi dengan mengekalkan sistem makanan.

Dalam hal ini, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) sentiasa proaktif dalam melaksanakan latihan yang selaras dengan perubahan IR4.0.

Ini termasuk melalui penyelidikan dan kerjasama bersama agensi kerajaan bagi menambah baik pengurusan projek seperti pertanian yang akan memberi manfaat bukan sahaja kepada golongan belia, tetapi rakyat secara amnya.

Penulis adalah Felo Penyelidik Kanan Kluster Penyelidikan, Pembangunan dan Dasar, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)



Dr Nur Arifanda Mohamed Khalid

